



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN KIT STEM
YAYASAN MR DIY KEPADA JABATAN MUZIUM
MALAYSIA**

**PADA 4 FEBRUARI 2026 (RABU)
DI
GALERI 1, JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

Terima kasih kepada saudara/saudari pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani.

SALUTASI

**akan disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Muzium Malaysia dan Muzium Negara khususnya atas penganjuran Majlis Penyerahan Set Kit STEM pada hari ini.
2. Majlis ini amat bermakna kerana mencerminkan sokongan dan komitmen berterusan pihak swasta kepada Kementerian Perpaduan Negara dalam memperkukuh agenda pendidikan, pembudayaan ilmu dan penyemaian nilai-nilai perpaduan melalui pendekatan yang inklusif dan berimpak tinggi, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

TAJAJAN SET KIT STEM

3. Kit STEM atau set bahan pendidikan yang berasaskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik ini, memberi penekanan kepada pembelajaran praktikal, pengembangan pemikiran kritis dan keupayaan menyelesaikan masalah. Saya difahamkan bahawa kerjasama ini telah bermula pada tahun 2025, dengan penajaan sebanyak **30,630 unit Kit STEM** bernilai sebanyak **RM918,000.00**.
4. Selain itu, turut disumbangkan juga beberapa bentuk penajaan lain merangkumi bahan-bahan dan peralatan bagi Program Tahun Baru Cina, Program Nostalgia Ramadan Syawal, Program Bermalam di Muzium dan Nostalgia Anak Kampung: Temasya Riuh Sekampung dengan nilai keseluruhan penajaan berjumlah **RM 954,207.00**.
5. Alhamdulillah, sebagai pembuka tirai tahun 2026, Yayasan MR DIY telah tampil sebagai pihak pertama yang terus komited menjadi rakan strategik Jabatan Muzium Malaysia. Bak kata pepatah “***kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan***”. Saya

dimaklumkan bahawa penyerahan sebanyak **120,000 unit Kit STEM** dengan nilai keseluruhan berjumlah **RM3.6 juta** juga telah diterima bermula 8 hingga 13 Januari 2026. Muzium Negara juga telah mula membuat edaran Kit STEM ini pada 12 Januari 2026 lalu.

6. Edaran tersebut bukan sahaja melibatkan kesemua 22 buah muzium di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia, malah turut diperluaskan manfaatnya kepada **12 buah muzium negeri** dan **6 buah muzium institusi** di seluruh Malaysia. Saya yakin dengan kecekapan dan kebijaksanaan pihak Muzium Negara dalam mengendalikan inisiatif ini secara sistematik dan berkesan, berdasarkan pencapaian cemerlang yang telah ditunjukkan pada tahun lalu.

Hadirin yang dihormati sekalian,

MUZIUM DAN PENDIDIKAN

7. Hasil penajaan Yayasan MR DIY merupakan satu sumbangan yang amat signifikan kepada ekosistem pendidikan negara. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong usaha memperkukuh minat dan literasi STEM dalam kalangan generasi muda,

malah turut memperluas akses pembelajaran kepada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang kaum, sosio ekonomi dan geografi.

8. Kementerian Perpaduan Negara amat menghargai kesudian Yayasan MR DIY untuk bekerjasama dengan Jabatan Muzium Malaysia dan menyalurkan tajaan dalam jumlah yang besar dan bernilai tinggi. Komitmen ini mencerminkan kepercayaan serta sokongan berterusan pihak yayasan terhadap peranan muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal dan usaha pemerkasaan masyarakat. Inisiatif ini juga selari dengan aspirasi kementerian dalam membudayakan ilmu dan memperkukuh perpaduan nasional.

PEMBINAAN NEGARA BANGSA

9. Kementerian Perpaduan Negara melihat pendidikan sebagai wahana utama **pembinaan negara bangsa**. Melalui pendekatan pendidikan STEM yang kreatif dan interaktif, kita bukan sahaja berupaya melahirkan generasi celik teknologi dan inovatif, malah generasi yang mampu berfikir secara kritis, bekerja secara kolaboratif dan menghormati kepelbagaian. Inilah asas kepada pembentukan rakyat Malaysia yang bersatu

padu, berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

10. Dalam konteks ini, peranan rakan strategik seperti Yayasan MR DIY amatlah dihargai. Kerjasama antara sektor awam dan swasta yang terjalin hari ini membuktikan bahawa pembangunan negara bukan hanya tanggungjawab kerajaan semata-mata, sebaliknya memerlukan penglibatan aktif sektor korporat dan badan bukan kerajaan.
11. Model kerjasama strategik seperti ini wajar dijadikan contoh dalam usaha memperkukuh jaringan sokongan terhadap agenda perpaduan dan pendidikan negara. Kerjasama strategik ini turut mencerminkan pendekatan ***Whole of Nation*** yang disarankan oleh Kerajaan, iaitu satu usaha menyeluruh yang menggembeleng kekuatan semua pihak merangkumi sektor awam, swasta dan masyarakat secara bersepadu dalam merealisasikan agenda perpaduan, pendidikan dan pembangunan negara secara inklusif serta mampan.

Hadirin yang dihormati,

PENUTUP

12. Akhir kata, saya merakamkan sekalung ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Saya berharap agar kerjasama strategik antara Jabatan Muzium Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara dan Yayasan MR DIY ini akan terus diperkukuh dan diperluaskan pada masa hadapan. Saya juga difahamkan bahawa Muzium Negara telah mengadakan beberapa siri perbincangan bagi merangka hala tuju seterusnya, termasuk pelaksanaan program-program kerjasama baharu yang akan diadakan bersama Yayasan MR DIY, dalam merencanakan lagi usaha ke arah pengekalan warisan sejarah, seni budaya dan alam semula jadi negara.

13. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yayasan MR DIY atas kesudian menjadi rakan strategik Jabatan Muzium Malaysia. Semoga inisiatif murni ini menjadi pemangkin kepada lebih banyak usaha kolaboratif pada masa

hadapan dalam membina masyarakat yang berilmu, bersatu padu dan beridentiti nasional yang kukuh.

14. Sebelum berpisah, izinkan saya kongsikan serangkap pantun :

Burung kedidi di pohon nangka,
Anak bayan hinggap di dahan,
Orang berbudi kita berbahasa,
Mesra ikatan erat perpaduan.

Sekian, terima kasih, xiexie, nandri.